

# KEJOHANAN E-SUKAN KAMPUS

## SEMESTER 1

### 1.0 PENGENALAN

Kejohanan E-sukan Kampus (KEK) Semester 1 2019 merupakan kejohanan e-sukan Malaysia yang pertama menampilkan pasukan e-sukan institusi pengajian tinggi terbaik di seluruh negara, bertanding bagi merebut hadiah tunai terkumpul berjumlah RM 180,000. Kejohan ini dianjurkan oleh Media Prima Digital, MyGameOn dan dengan kerjasama Kitamen dan penaja utama Celcom Axiata Berhad.

Hadiah utama tunai boleh dimiliki semua peserta yang akan bertanding dalam 3 kategori permainan berbeza: Mobile Legends Bang Bang, Pro Evolution Soccer 2019 dan DOTA 2.

Kejohanan ini telah dimulakan dengan pusingan kelayakan atas talian pada bulan Februari 2019 yang lepas di mana pasukan bertanding akan merebut tempat ke pusingan Top 16. Kesemua pasukan yang layak bagi setiap permainan di setiap zon akan beraksi secara sihat dan sengit dalam pusingan zon final pada bulan Mac.

Pemenang setiap zon pula kemudiannya akan ke peringkat *grand final* bagi merebut kejuaraan dan hadiah wang tunai utama yang telah berlangsung pada 26 & 27 April di Sunway Pyramid Ice Rink, Sunway City, Kuala Lumpur.

Lebih menarik lagi, institusi pengajian tinggi dengan pasukan menang paling banyak juga berpeluang menerima biasiswa bernilai RM 50,000, dibawakan oleh jenama terkemuka Celcom, XPAX, sebagai salah satu inisiatif mereka dalam memperkasa e-sukan. Selain XPAX, Predator turut bersama menjadi rakan rasmi KEK.

Sebanyak tiga pasukan yang terdiri daripada pelajar Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina dan Fakulti Pengajian Islam telah menyertai kejohanan tersebut pada peringkat Zon di UiTM Shah Alam pada 24 Februari 2019 bagi kategori Mobile Legend dan PES 2019. Bagaimanapun, hanya dua pasukan berjaya mara ke pertandingan akhir untuk Mobile Legend dan PES 2019 di Sunway Piramid.

## 2.0 SENARAI PEMAIAN

Berikut ialah senarai nama pemain bagi setiap kategori e-sukan yang dipertandingkan.

### A. Mobile Legend

Nama : Azirool Bin Fareed Sunder  
No Matrik : A166048  
No IC : 980531026311  
Fakulti : Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat

Nama : Muhammad Aiman Bin Ahmad Ansary  
No Matrik : A166055  
No IC : 980422065135  
Fakulti : Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat

Nama : Ashif Halaj Bin Abdul Majid  
No Matrik : A163763  
No IC : 980830565331  
Fakulti : Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina

Nama : Hisyam Bin Hardira  
No Matrik : A164951  
No IC : 970331065325  
Fakulti : Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat

Nama : Nik Nazrin Shahzan Bin Nik Adlin Fariz  
No Matrik : A166033  
No IC : 980208145871  
Fakulti : Fakulti Teknologi Dan Sains Maklumat

### B. Pro Evolution Soccer 2019 (PES)

Nama : Muhammad Hafifi Bin Hamdan  
No Matriks : GB02888  
No IC : 920826146527  
Fakulti : Fakulti Pengajian Islam (Syariah)

Nama : Muhammad Naem bin Zolkapli  
No matriks : A161977  
No ic : 971220015573  
Fakulti : Fakulti Pengajian Islam (Quran & Sunnah)

Nama : Muhammad Syarifudin Hidayatullah Bin Mhd Yusuf  
No Matriks : A159346  
No IC : 960128085241  
Fakulti : Fakulti Pengajian Islam

### **3.0 HADIAH YANG DIMENANGI**

Berikut ialah hadiah yang telah dimenangi oleh pasukan UKM

#### **A. Mobile Legend - JUARA**

Wang Tunai : RM 10,600  
E-Wallet Aplikasi Boost : RM 4,000

#### **B. Pro Evolution Soccer 2019 (PES) - JUARA**

Wang Tunai : RM 6,760  
E-Wallet Aplikasi Boost : RM 2,000

#### **C. Hadiah Keseluruhan Pasukan - KETIGA**

Wang Tunai (Biasiswa) : RM 7,500

Kesemua hadiah tunai dan e-wallet bagi kategori Mobile Legend dan PES telah diuruskan oleh penaja dan dimasukkan kedalam akaun peribadi pemain masing-masing.

Manakala hadiah wang tunai bagi hadiah keseluruhan pasukan sebanyak RM7,500 akan dimasukkan kedalam akaun UKM dalam bentuk biasiswa kepada peserta.

### **4.0 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, penyertaan semua pelajar UKM ke kejohanan ini adalah melalui initiatif sendiri tanpa melalui universiti, fakulti, kelab atau persatuan yang melibatkan UKM. Setiap pasukan hanya mengetahui terdapat pasukan lain daripada UKM hanya ketika hari pertandingan.

Hebahan yang meluas melalui saluran TV, radio dan media social oleh pihak pengajur telah menarik seramai 768 pasukan daripada pelbagai IPT seluruh Malaysia.

Juara keseluruhan Pasukan telah dimenangi oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana pasukan UMS merupakan pasukan paling banyak menyertai setiap kategori iaitu 6 pasukan. Walaupun pasukan UKM telah menjuarai dua kategori sukan yang dipertandingkan, tetapi tidak dapat menjadi juara keseluruhan kerana bilangan pasukan yang dihantar adalah 2 pasukan sahaja.

Kejohanan seterusnya KEK iaitu bagi semester 2 2019 akan bermula pada bulan Ogos 2019. Sehubungan itu, diharap pihak UKM dapat memulakan penyertaan kejohanan e-sukan ini dengan lebih teratur dan terancang diperingkat universiti.

#### LAMPIRAN



